



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan PKK yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :


Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Lesen Pendaftaran	Lawatan Tapak & Taklimat	Tempat, Tarikh & Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Sebut Harga
1.	UTeM070/ PENANAMAN POKOK / 2016	SEBUT HARGA BAGI PEMBEKALAN POKOK TERMASUK KERJA-KERJA PENANAMAN STRUCTURE PLANTING SEKITAR TASIK A, KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA.	Berdaftar dengan CIDB dan PKK. Memegang Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah. Kod bidang Gred: 1 DAN KEATAS Kategori: CE Pengkhususan: CE14	Tarikh& Masa : 1 September 2016 (10 .00pagi) Tempat : Lobi Utama Pejabat Pembangunan Kampus Induk UTeM (Kedatangan dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN)	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselor Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 1 September 2016 hingga 7 September 2016	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselor Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 8 September 2016 (sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari)

2. Naskah Meja Sebut harga akan dipamerkan mulai **25 Ogos 2016** hingga **7 September 2016** semasa waktu pejabat seperti berikut:

Hari	Waktu	Tempat
Isnin hingga Khamis	8.30 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan Pejabat Bendahari Bangunan Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Jumaat	8.30 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang.	Hang Tuah Jaya 76100 Durian Tunggal Melaka.

3. Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan **25 Ogos 2016** dan dijual **1 September 2016** mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga **7 September 2016** dengan bayaran RM10.00 senaskah secara Tunai / Wang Pos/ Kiriman Wang / Bank Draf atas nama Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini tamat.

4. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat di pejabat yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Hanya nama yang dinamakan dalam sijil **CIDB** dan **PKK** sahaja yang dibenarkan untuk menghadiri taklimat/ lawatan tapak dan boleh membeli dokumen sebut harga. (**WAKIL TIDAK DIBENARKAN**).
5. Dokumen sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang mana namanya tercatat dalam Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB sahaja. Wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa bersama **Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB** dan **salinan**. Wakil-wakil kontraktor yang namanya tidak tercatat dalam Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB asal, hendaklah membawa bersama **Surat Asal Perwakilan Kuasa** yang sah dari syarikat masing-masing. Wakil-wakil kontraktor hendaklah merupakan **Pegawai Eksekutif Syarikat**.
6. Semua pembekal dimestikan berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan melayari laman web UTeM Sistem Pendaftaran Syarikat (ROC) di <https://portal.utem.edu.my/iclm/>. Borang Perakuan pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bangunan Canselori, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka.
7. Sebut Harga ini akan ditutup pada **8 September 2016**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bangunan Canselori, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka**, tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada hari tersebut. Sebarang kelewatan tidak akan diterima.
8. Iklan Sebut Harga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://www.utem.edu.my/perolehan/perolehan.html>. keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan.



.....
(Peg. Unit Perolehan)
KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIR
Penolong Bendahari
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UNIT PEROLEHAN
PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
TEL : 06 – 331 6091 / 6093 / 6322 / 6095
FAKS : 06 – 331 6296